



B  
A  
B

K  
E  
D  
U  
A

## BAB II LANDASAN TEORI

Da'wah Islamiah dan faktor-faktor yang berkaitan dengannya sering diperbincangkan demi untuk memantapkan lagi ajaran Islam kepada tiap pengikutnya, juga memberikan pengertian kepada golongan yang mungkin sekali belum faham tentang Islam. Oleh yang demikian da'wah Islamiah akan terus berkembang di kalangan umat manusia dari satu generasi ke suku generasi yang lain.

Menerusi bab yang kedua ini, penulis akan membincangkan beberapa tajuk penting yang menyentuh tentang ilmu da'wah sebagai landasan teori dan panduan serta pedoman dalam penyelidikan ini.

### A. DEFINISI DA'WAH

Pengertian da'wah boleh dilihat dari dua sudut, iaitu pengertian dari segi bahasa dan istilah.

#### 1) Pengertian Da'wah Dari Segi Bahasa

Perkataan da'wah berasal dari kalimah Bahasa Arab, iaitu "دُعَوْهُ . دُعَا" yang bermakna ajakan, seruan, ajakan atau

panggilan kepada sesuatu perkara,<sup>28</sup> seperti yang terdapat di dalam firman Allah S.W.T dan hadis Rasulullah s.a.w di bawah ini :

Firman Allah S.W.T :

وَاللَّهُ يَدْعُوا إِلَىٰ دَارِ السَّلَامِ وَيَهْدِي مَنِ شَاءَ إِلَىٰ صِرَاطِ مُسْتَقِيمٍ ﴿٦﴾

Ertinya ; " (Itulah dia kesudahan kehidupan dunia), dan sebaliknya Allah menyeru manusia ke tempat kediaman yang selamat sentosa, dan Dia sentiasa memberi petunjuk hidayahNya kepada sejapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya) ke jalan yang betul lurus (yang selamat itu) ".<sup>29</sup>

Firman Allah S.W.T lagi :

قُلْ هَذِهِ رَسِيلِيٌّ أَذْعُنُ إِلَىٰ اللَّهِ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي وَمُبْعَنِي  
اللَّهُ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشَرِّكِينَ ﴿٣﴾

Ertinya ; " Katakanlah (wahai Muhammad) : " Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang semurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan aku menegaskan : Maka Suci Allah (dari segala i'tiqad dan perbuatan ayirik) ; dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekuatkan Allah dengan sesuatu yang lain ".<sup>30</sup>

---

<sup>28</sup> Batras al Bustani, Kitab Duhit al Muhit, Jilid I, Beirut : Maktabah Lubnani, 1365H/1970M, hal. 657.

<sup>29</sup> Surah Yunus : ayat 25.

<sup>30</sup> Surah Yusof : ayat 103.

Sabda Nabi s.a.v :

## ادعوك بالله 'الاسلام'

Maknudnya ; " Aku menyeru dengan seruan Islam (iaitu dengan kalimat Al-Syahadah yang diseru orang-orang yang bukan Islam dengannya) ".<sup>31</sup>

Dari ayat-ayat atau firman Allah S.W.T dan hadis Rasulullah s.a.v yang telah dinyatakan, dapatlah disimpulkan bahawa yang dimaksudkan dengan perkataan " دعوه " dan " دعو " itu ialah seruan atau panggilan yang mengajak manusia kepada sesuatu perkara yang baik.Untuk menjelaskan lagi pengertian da'wah ini, maka ceklik kita tinjau pula pengertiannya dari segi istilah.

### ii) Pengertian Da'wah Dari Segi Istilah

Terdapat banyak pendapat dan makna yang telah diberikan untuk menjelaskan maksud dan pengertian yang tepat. Antaranya :

a) Menurut al-Ustaz al-Bahi al-Khuli, da'wah ialah " memindahkan umat dari suatu keadaan kepada suatu keadaan yang lebih baik ", dengan kata lain da'wah adalah usaha untuk merubah keadaan yang negatif kepada keadaan positif dengan menggunakan ideologi agama itu sendiri.<sup>32</sup>

---

<sup>31</sup> Surat Nabi Muhammad s.a.v yang ditujukan kepada Hiraqi.

<sup>32</sup> Al-Bahi al-Khuli, Tadhkirah al-Du'ah, Beirut : Dar al-Qalam , cetakan V, 1977, hal. 35.

b) Dr. Abu al-Majd al-Saiyyid Naufal telah memberikan pengertian yang jelas tentang da'wah, iaitu seperti berikut :

" Da'wah itu ialah pelaksanaan oleh sesiapa juu yang mempunyai kemampuan dalam memberikan nasihat yang berupa petunjuk dan bimbingan yang betul dari kalangan umat Islam, walau di mana dia berada dan pada bila-bila masa juga; dengan menggalakkan manusia supaya menerima Islam, baik dari segi aqidah maupun mengenai cara hidup di samping memberi amaran kepada mereka dari menganut agama lain, dengan menggunakan cara-cara yang tertentu. ".<sup>33</sup>

c) Abdul Karim Zaidan di dalam bukunya " Usul ad-Da'wa " mengatakan bahawa da'wah itu ialah menyeru kepada agama yang disampaikan oleh Muhammad s.a.w , di mana iaanya berdiri di atas empat asas, iaitu isi da'wah, penda'wah, mereka yang dida'wah dan media da'wah.<sup>34</sup>

d) Menurut " Encyclopedia of Islam " da'wah menurut pandangan agama ialah " ajakan dan seruan yang ditujukan kepada manusia oleh Allah S.W.T dan RasulNya supaya beriman dan yakin kepada agama yang benar iaitu agama Islam ".<sup>35</sup>

---

<sup>33</sup> Dr. Abu al-Majd al-Saiyyid Naufal, al-Da'wah Illa Allah Ta'ala, al-Fujalah : Matba'ah al-Hadariah al-'Arabiyyah, 1977, hal. 13.

<sup>34</sup> Dr. Abdul Karim Zaidan, Usul al-Da'wah, Jam'iyyah al-Amani , cetakan III, 1976, hal. 5.

<sup>35</sup> K. Canard, Encyclopedia of Islam, New Edition, Leiden : B.J. Brill, vol. II, 1965, hal. 5.

e) Da'wah Islamiah itu ialah sesuatu yang boleh memberangsangkan manusia kepada kebaikan dan huda (petunjuk Allah), mlarang melakukan sumpah (kejahatan) supaya mereka itu berjaya sendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Pendapat ini dikemukakan oleh Sheikh Ali Mahfuz.<sup>36</sup>

f) Muhammad al-Ghazzali pula mewariskan da'wah Islamiah itu ialah " suatu program yang sempurna yang mencakupi segala pengetahuan yang diperlukan oleh manusia; untuk mengetahui matlamat hidup yang dapat menerangi liku-liku kehidupan mereka dan dapat meletakkan mereka dalam kumpulan orang yang mendapat petunjuk ".<sup>37</sup>

Dari berbagai ta'rif atau pengertian yang dikemukakan itu, dapatlah disimpulkan bahawa yang dimaksudkan dengan da'wah Islamiah itu, ialah seruan mengajak manusia untuk menerima Islam atau mendalaminya di samping melaksanakan segala ajaran yang terkandung di dalamnya melalui cara-cara dan media-media yang tertentu. Oleh yang demikian pengertian da'wah boleh dibahagikan kepada empat bahagian seperti berikut :

i) Ad-Da'wah ilal-Khair atau mengajak manusia kepada melakukan kebaikan-kebaikan di dalam masyarakat.

---

<sup>36</sup> Sheikh Ali Mahfuz, Ridayah al-Mursyidin ila al-Tariqi al-Waaz wal-Khatabah, Nisr : Matba'ah al-'Uthmaniah Qahirah, cetakan VI, 1958, hal. 18.

<sup>37</sup> Muhammad al-Ghazzali, Na'a Allah, Nisr : Dar al-Kutub al-Ha dithah, 1965, hal. 17.

- ii) Al-Anru bil Ma'ruf iaitu mengwujudkan segala kebaikan dalam kehidupan masyarakat manusia.
- iii) Taqyirul Munkar iaitu mengubah atau menyejukkan semua bentuk kemungkaran yang berlaku dalam masyarakat.
- iv) An Nahyu 'Anil Munkar iaitu menutup jalan-jalan yang boleh menyebabkan timbulnya kesungkaran di dalam masyarakat.

## B. TUJUAN DA'WAH

Dalam proses penyelenggaraan da'wah, tujuan atau matlamat merupakan salah satu faktor penting kerana dengan tujuan itulah dilandaskan segerap tindakan dalam rangka usaha kerjasama da'wah tersebut.

Secara ~~guna~~<sup>38</sup> tujuan atau objektif da'wah adalah mengajak dan mengelu manusia bersama-sama memenuhi panggilan Allah S.W.T dan RasulNya untuk mengwujudkan erti dan tujuan hidup yang bahagia di dunia dan akhirat. Sebagaimana firman Allah S.W.T :

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَسْتَعِجِبُوا لِلَّهِ وَالرَّسُولِ إِذَا دَعَاكُمْ لِمَا يُحِبُّ كُمْ

---

<sup>38</sup> HANKA, Prinsip Dan Kebijaksanaan Da'wah Islam. Jakarta : UMMINDA, cetakan I, 1982, hal. 48.

Ertinya ; " Wahai orang-orang yang beriman, sebut dan sambutlah seruan Allah dan seruan RasulNya apabila ia menyuruh kamu kepada perkara-perkara yang benjadiankan kebaikan hidup sempurna ".<sup>39</sup>

Dari ayat di atas jelaslah kepada kita apa yang dimaksudkan tujuan da'wah itu ialah untuk menyadarkan manusia erti sebenar kehidupan ini.

Kehadiran Islam telah membawa manusia kepada aqidah yang membawakan mereka dari belenggu kejahilan, tahlul dan syirik yang menyebabkan kelumpuhan jiwa serta menyekat pertumbuhan dan perkembangan diri manusia dari segi lahiriah dan batiniah.<sup>40</sup> Oleh itu umat manusia diseru untuk menghayati kehidupan ini dengan cara beramal ibadat, bersama-sama dan meninggalkan perkara sungkar yang dapat mengeluarkan manusia dari kegelapan kepada hidayah yang dapat membersihkan jiwa mereka. Sebagaimana firman Allah S.W.T di bawah ini :

الرَّحْمَنُ كَتَبَ أَنْزَلَنَا إِلَيْنَا لِتُنْهِيَ النَّاسَ مِنَ الظُّلْمَاتِ  
إِلَى النُّورِ بِإِذْنِ رَبِّهِنَا إِلَى صِرَاطِ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ

---

<sup>39</sup>Surah Al-Anfal : 24.

<sup>40</sup>Penyayarah-penayayrah dari Indonesia, Dirasat Islamiah, Terengganu : Yayasan Islam Terengganu, cetakan I, 1985, hal. 12.

Ertinya : " Alif, Laam, Raah. Ini adalah Kitab (Al-Qur'an) Kami turunkan dia kepadaamu (wahai Muhammad), supaya engkau mengalihartikan umat manusia seluruhnya dari gelap gelita kufur kepada cahaya iman. - dengan isian Tuhan mereka - ke jalan Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Terpuji ".<sup>41</sup>

Allah S.W.T dan RasulNya telah memerlukan ayat-ayat yang dapat menegakkan persepsi hidup manusia berdasarkan ayat-ayat yang adil serta dapat menjamin keharmonian hidup bermasyarakat.

Nanakala tujuan khas da'wah pula dapat dibahagikan kepada dua, iaitu :

i) Tujuan Mengatur (vertikal) iaitu untuk mencapai kedekaan Allah S.W.T. Umat manusia yang beriman dan direhái Allah adalah manusia yang dapat memenuhi tujuan hidup mereka yang hakiki bagi mengabdi-kan diri dengan penuh keyakinan.<sup>42</sup>

ii) Tujuan Mandatar (horizontal) iaitu bertujuan untuk menjamin terlaksananya kesejahteraan dan tersebarinya rahmat Allah S.W.T ke atas manusia seluruhnya di dunia ini. Oleh itu Allah S.W.T telah mengutuskan Rasul di kalangan umat manusia agar kesejahteraan tersebut tercapai.<sup>43</sup>

---

<sup>41</sup> Surah Ibrahim : ayat 1.

<sup>42</sup> Penayarah-penayarah dari Indonesia, op.cit., hal. 13.

<sup>43</sup> Ibid.

Maka dapat disimpulkan di sini, tujuan atau matlamat da'wah Islam ini ialah untuk menyebarkan salurah umat manusia di dunia ini kepada Tuhan Yang Baik yang dapat menjamin keberkahan dan kebahagiaan dunia dan akhirat.

### C. DASAR RUKUN DA'WAH

Agama Allah S.W.T bukanlah suatu agama yang hidup dan dapat bergerak dengan sendirinya. Oleh yang demikian Allah S.W.T telah mengutuskan para Rasul dan Nabi-Nya seorang demi seorang sejak dari Nabi Adam a.s hingga kini kepada Nabi Muhammad s.a.w, iaitu Rasul-Nya yang terakhir. Namun begitu tugas menyampaikan ajaran agama Allah ini tidaklah berhenti setakat itu sahaja, malahan iaanya turus dipertanggungjawabkan kepada umat Nabi Muhammad s.a.w sehingga kini berlakunya hari Qiimat.

Peran-jataan tugas bera'mah ke atas umat manusia dapat dibuktikan dari perintah Allah S.W.T dan Rasul-Nya seperti berikut :

Pirman Allah S.W.T :

وَلَتَكُنْ مِنْكُمْ أَنَّهُ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ  
وَنَهَا يَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ

Ertinya ; " Hendaklah ada di antara kamu seseorang yang menyatu (berda'wah) kepada kebaikan (meningkatkan Islam), dan menyuarah bertuan negara perkara yang baik, serta melaung dari pada negara yang salah ( buruk dan bagi ) ".<sup>44</sup>

Sabda Rasulullah s.a.w :

وَالَّذِي نَسِيْسُ بِهِ لَمْ يُؤْمِنُوْنَ بِالْعُرُوفِ وَلَتَنْدُونُوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ  
أَوْ لَيُوْشَكُنَّ اللَّهَ إِنْ يَبْعَثَ عَلَيْكُمْ عَذَابًا مِّنْ هُنْوَنِهِ  
فَلَوْلَا يُسْتَجَابَ لَكُمْ .

Maknudnya: " Demi Tuhan yang diriku di dalam keimananmu, hendaklah kamu menyatu kepada perkara yang baik dan menegah dari yang jahat atau tuangkanlah kepada Allah yang berkuasa menurunkan azab siksa ke atas kamu, yang mana pada waktu itu kamu berdo'a kepada-Nya untuk diselamatkan, sedangkan do'a kamu itu tidak dipertemukannya lagi ".<sup>45</sup>

Berdasarkan ayat al-Qur'an dan hadis Nabi s.a.w yang dinyatakan tadi, jelaslah bahwa umat Islam telah dituntut supaya menjalankan usaha da'wah untuk memerlukan perjuangan menegakkan ajaran Islam di bumi Allah S.W.T ini.

Percalon yang timbul di sini ialah adakah tuntutan tersebut merupakan fardhu 'ain atau pun fardhu kifayah kepada orang mualim. Berturut-turut dengan perkara dan percalon ini, Imam Fakhru ar Razi ada menyata-

<sup>44</sup> Surah Ali 'Imran : ayat 104

<sup>45</sup> al-Tirmidzi, Sunan al-Tirmidzi. (Bab Majaa fi al-Amr bi al-Ma'-ruf wa al-Nahi 'an al-Munkar), juz: 3, 1967, hal. 336.

kan bahawa terdapat dua golongan ulama' Islam yang mempunyai perbezaan pendapat di dalam menetapkan hukum bera'wah.<sup>46</sup> Perbezaan pendapat tersebut adalah: berdasarkan kepada pemahaman dan penafsiran yang bertemu terhadap perkataan 'min' (من) yang diambil dari kalimah 'minkum' (منكم), sebagaimana yang terdapat di dalam firman Allah S.W.T di bawah ini :

Firman-Nya :

وَلَا تَكُنْ مِنْهُمْ بَذْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ  
وَنَهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

Berturutnya : " Dan keadaan ada di kalangan kamu satu puak menyatu (berda'wah) kepada kebaikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh bertuan cogala yang baik, serta melenang daripada cogala yang salah (buruk dan keji) ".<sup>47</sup>

Pendapat pertama mengatakan bahawa tuntutan menjalankan da'wah tersebut adalah faridhu 'ain. Golongan ini menganjurkan perkataan 'min' (من) pada ayat di atas dengan makna "الشيء" iaitu penerangan dan penjelasan. Selain daripada tafsiran tersebut, pendapat golongan ini juga berlandaskan kepada firman Allah S.W.T yang lain iaitu ;<sup>48</sup>

---

<sup>46</sup> Fathru ar Razi, Tafsir al-Kabir lil Imam Al-Fakhru ar Razi. Tehran : Darul Kitab al-Ilmiah, juz. 8, cetakan II, t.t., hal. 166.

<sup>47</sup> Surah Ali 'Imran : ayat 104.

<sup>48</sup> Dr. Ahmad Ghaliwash, Al-Da'wah al-Islamiah, al-Qahirah : Dar al-Khitab al-Misri, t.t., hal. 10.

كُنْتُ خَبِيرًا مَّا أَخْرَجَتِ النَّارِ وَنَّالَ الْمَعْرُوفُ  
وَنَنْهَاكَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَلَمْ يُؤْمِنْ بِالْأَوْ

Urtinya : " Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana ) kamu menyuruh bertawat segala perkara yang baik dan malarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman) ".<sup>49</sup>

Menerusi ayat di atas golongan ini berpendapat bahawa tidaklah dibantah tuntutan tersebut kecuali untuk berbuat su'ruh dan mengalah kawankaren, semata dengan tangan, lidah atau hati. Maka ia menjadi kewajipan atas setiap individu muslim berusaha mengolekkan segalunya yang belum menjangkakan kesudahan kepada dirinya.

Calah itu perkataan 'min' di dalam ayat 104 - Surah Ali 'Izran , yang mengandungi erti tab'i id (sebahagian) tetapi ia mengandungi erti batyilin (بَطْيَلٌ). Dengan tafsiran tersebut, maka ayat 104 - Surah Ali 'Izran ditafsirkan seperti berikut :

" Hendaklah kamu menjadi suatu umat yang cenderung (berda'wah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam ), dan menyuruh bertawat segala perkara yang baik, serta malarang daripada segala yang salah (buruk dan keji) ".

---

<sup>49</sup> Surah Ali 'Izran : ayat 110

Ini bersekutu golongan pertama yang dikenakan bahwa berda'wah itu adalah fardhu 'ain berdasarkan keterangannya yang telah diketukakan tadi, mana setiap individu Muslim tidak akan terlepas dari pada zemunaikan dirinya berda'wah ke jalan Allah S.W.T.

Pendapat yang kedua pula yang dikenakan bahawa tanggungjawab men-  
awarkan da'wah Islamiah itu adalah fardhu kifayah ke atas umat Islam.  
Golongan kedua ini menafsirkan perkataan "من" dalam ayat 104 Surah  
Al-'Imran tersebut sebagai "لِتُبَصِّرُونَ" , yang bererti sebahagian sa-  
jaja. Selain daripada tafsiran tersebut, pendapat golongan ini juga  
berlandaskan kepada firman Allah S.W.T yang lain iaitu,<sup>50</sup>

Firman-Nya :

وَمَا عَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيُنفِرُوا كُلُّهُمْ لَوْلَا نَظَرُوا مِنْهُ  
طَائِفَةٌ لِيَتَقَمَّلُوا فِي الدِّينِ وَلَبَدَّ هُوَ قَوْمٌ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ  
لَعِلَّمُ يَعْذِرُونَ .

Artinya ; " Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang ber-  
iman keluar semunanya (pergi berperang); oleh itu ,  
hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap - tiap  
pusk di antara mereka, supaya orang-orang ( yang  
tinggal ) itu mempelajari secara mendalam i l m u  
yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka de-  
pat sengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila  
orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-muda-

---

<sup>50</sup> Dr. Abu al-Hajd al-Saiyyid Kaufal, op. cit. , hal. 31.

nam mereka dapat berjaga-jaga ( dari melakukan larangan Allah ) .<sup>51</sup>

Golongan ini juga telah mengusulkan alasan bahwa tidak semua manusia mampu menegakkan su'ruh dan mencegah kesungkanan, misalnya kaum wanita, orang sakit dan orang yang lemah ( tua ). Oleh itu tanggungjawab berda'wah ke jalan Allah S.W.T adalah tertentu kepada golongan ujama' yang merupakan sebahagian daripada umat yang seumpama; kesannya untuk berda'wah, sedangkan mereka yang jahil dan lemah tidak mampu melaksanakannya.<sup>52</sup>

Dari kenyataan tersebutlah, maka golongan ini berpendapat bahawa kewajipan berda'wah itu adalah fardhu kifayah iaitu apabila telah dilaksanakan oleh sebahagian dari mereka, gugurlah kewajipan itu bagi sebahagian yang lain.

Kedua-dua pendapat tadi agak berlainan dari apa yang ditegaskan oleh Muhammad Abu Zahrah, seperti mana yang telah dijelaskan di bawah ini :

" Da'wah kepada Islam itu adalah fardhu 'ain ke atas tiap-tiap orang yang mampu melakukannya serta ada

---

<sup>51</sup> Surah at-Taubah : ayat 122.

<sup>52</sup> Fakhru ar Razi, op.cit., hal. 167.

peluang untuk menyampaikannya dan juga adalah fardhu kifayah ke atas semua orang Islam, di mana mereka tidak boleh membiarkan masa berlalu begitu sahaja tanpa diisi dengan usaha-usaha da'wah Islaziah. Apabila kesampuan individu terbatas atau tidak berpeluang maka tugas ini hendaklah dijalankan oleh pegawai atau kakitangan kerajaan yang dilantik untuk menjalankannya atau mereka menyediakan kesudahan-kesudahan untuk petugas-petugas ini menjalankan kewajipan yang suci ini ".<sup>53</sup>

Oleh yang demikian Muhammad Abu Zahrah telah membuat kesimpulan bahawa hukum berda'wah itu ada dua iaitu fardhu kifayah dan fardhu 'ain. Maka inilah yang telah dijelaskan tadi. Pendapat ini selari dengan apa yang ditegaskan oleh Dr. Abu al-Majd al-Saiyyid Naufal iaitu :

" Pada pendapat saya, tiada apa-apa halangan untuk menerima kedua-dua hukum ini serentak kerana berda'wah itu di samping ianya fardhu kifayah adalah juga fardhu 'ain dengan erti kata bahawa setiap orang Muslim adalah dituntut melakukannya walaupun secara ijmal ..... manakala ke atas umat Islam supaya menyediakan penda'wah-penda'wah yang khusus dan berkebolehan tinggi ".<sup>54</sup>

Dapatlah disimpulkan bahawa menjalankan tugas berda'wah kepada Islam adalah wajib hukumnya ke atas setiap individu Muslim mengikut keperluan masing-masing dan serentak dengan itu juga wajib ke atas umat Islam menyediakan dan melahirkan penda'wah-penda'wah, khususnya yang mem-

---

<sup>53</sup> Muhammad Abu Zahrah, al-Da'wah illa al-Islam. Dar al-Fikr al-Arabi, t.t., hal. 37.

<sup>54</sup> Dr. Abu al-Majd al-Saiyyid Naufal, op.cit., hal. 31 - 32.

punyai kemahiran dan kelekapan yang tinggi dalam bidang-bidang masing-masing yang tidak bertentangan dengan Islam, malahan berkesempuan menyeitkan bidang mereka dengan Islam semasa mereka berda'wah. Agama Islam juga menggalakkan umatnya melaksanakan da'wah secara berjemaah atau bergerak dalam bentuk organisasi, sebagaimana yang dilakukan oleh badan-badan ta'awun rasmi, seperti Jabatan Agama Islam Melaka yang menjadi objek kajian penulis.

#### D. I S I   D A ' W A H

Perkara yang menjadi iai atau maudu' Islamiah ialah keseluruhan ajaran Islam itu sendiri. Al-Qur'an dan As-Sunnah merupakan dua aras utama ajaran Islam yang menjadi landasan dalam penyampaian da'wah. Ini sesuai dengan apa yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w melalui sabdanya yang bertunyi,<sup>55</sup>

تَرَكْتُ فِيمَا أُمِرْتُ مَا لَنْ تَمْكِحُ بِهِ الْيَنْ تَضْلِلُوا أَبْدًا،  
كِتَابَ اللَّهِ وَسِنَةَ رَسُولِ اللَّهِ.

Naksusinya ; "Aku tinggalkan kopadamu dua pusaka, iaitu barang yang jika kamu berpegang kepada keduanya, tidaklah kamu akan sesat selama-lamanya. Iaitu Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah".

<sup>55</sup> Akmal Hj. Mhd. Zain, Bimbingan Berda'wah Masa Kini, Kuala Lumpur : Pustaka Antara, cetakan I, 1984, hal. 69.

Hendaklah seseorang da'i itu menguasai ayat al-Qur'an dan mengetahui benar-benar sejarah hidup Rasulullah s.a.w dengan meneliti taktik dan praktik perjuangannya serta cara-cara da'wah sebagai pedoman dan panduan dalam berda'wah.

Cerita atau kisah-kisah para Rasul dan sahabat boleh menjadi isi da'wah. Allah S.W.T telah berfirman bahawa sebaik-baik cerita ialah cerita-cerita dari al-Qur'an kerana ia dapat meneguhkan keimanan dan memberi pengajaran, sebagaimana firmanNya ,<sup>56</sup>

وَكُلُّ نَفْسٍ عَلَيْكَ مِنْ أَنْبَاءِ الرَّسُولِ مَا شِئْتُ يَهُ فَوَادِكَ  
وَجَاءَكَ فِي هَذِهِ الْحَقُّ وَمَرْعَةٌ وَذِكْرٌ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٢﴾

Artinya ; " Dan tiap-tiap berita dari berita Rasul-rasul itu, Kami ceritakan kepadamu ( wahai Muhammad ), untuk menguatkan hatimu dengannya. Dan telah datang kepadamu dalam berita ini kebenaran dan pengajaran serta peringatan bagi orang-orang yang beriman ".<sup>57</sup>

Segala hal atau kisah yang berkaitan dengan kehidupan para sahabat dan ulama' juga boleh dijadikan bahan dalam berda'wah kerana mereka ini adalah kumpulan pewaris anbiya' yang pertama yang banyak berjasa dalam perkenaan Islam. Keadaan dan suasana setempat juga semasa adalah mustahak dijadikan bahan da'wah, termasuklah suasana kehidupan alam dan

<sup>56</sup> Dato' Wan Mussein Asmi, Panduan Da'wah Islamiah, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, cetakan I, 1988, hal. 97.

<sup>57</sup> Surah Hud : ayat 120.

umat manusia seluruhnya daripada apa yang tercatat dalam sejarah. Kese-  
mua ini dapat menjadi bahan da'wah yang hidup bagi membangkitkan kesan  
dan kesedaran kepada umat manusia yang mengalami suasana perubahan  
hidup.<sup>58</sup>

Kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa isi da'wah adalah meli-  
puti semua aspek dari ajaran Islam yang berpokok kepada aqidah, syari'at  
dan akhlak yang merupakan tiga rukun yang membentuk tata cara hidup Is-  
lamiah. Dapatlah difahami juga bahawa isi da'wah Islamiah sama sekali  
tidak ada pemisah di antara urusan dunia dan akhirat kerana segala aja-  
ran Islam adalah lengkap dan meliputi segala-galanya.

#### E. METODOLOGI DA'WAH

Metod atau cara disebut sebagai 'uslub' di dalam Bahasa Arab,  
ialah cara menyampaikan sesuatu samada mengenai konsep dan sebagainya  
dengan menggunakan penguapan serta mengikut syarat-syarat yang tertentu.<sup>59</sup> Menyampaikan da'wah adalah suatu tugas yang mulia dan suci kerana  
usaha ini bertujuan untuk menyeru manusia kepada hakikat kehidupan dan  
keimanan yang sebenarnya. Untuk mencapai matlamat dan hasrat yang murni

---

<sup>58</sup> Penyayarah-penyayarah daripada Indonesia, op.cit., hal. 14-15.

<sup>59</sup> Dr. Abu al-Majid al-Saiyyid Naufal, op.cit., hal. 189.

ni, maka Islam telah menggarisakan beberapa metod da'wah yang dianjurkan kepada da'i yang ingin berjihad ke jalan Allah S.W.T.

Firman Allah S.W.T ;

أَذْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ  
وَالْمَوْعِظَةِ الْخَيْرَةِ وَجَنِيدِنَّهُمْ بِالْقَيْمَنِ إِنَّ رَبَّكَ  
هُوَ أَعْلَمُ بِمَا يَنْهَا عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَنَّدِينَ  
٦٥

Artinya ; " Serulah ke jalan Tuhanmu ( wahai Muhammad ) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbaiklah dengan mereka ( yang engkau serukan itu ) dengan cara yang lebih baik; mesungguhnya Tuhanmu Dialah juga yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dialah juga yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk ".<sup>60</sup>

Menurut ayat yang dinyatakan tadi jelaslah bahawa metod pelaksanaan da'wah itu ada tiga, iaitu seperti berikut :

- a) Cara Hikmah
- b) Cara Mau'isah Rasaah
- c) Cara Mujadalah billati Hia Ahsan

Sheikh Muhammad Abdurrahman telah membuat kesimpulan berdasarkan ayat Al-Qur'an tersebut dengan mengatakan bahawa ketiga-tiga metod itu dapat disuaikan kepada tiga golongan yang harus dihadapi dan di da'wah de-

---

<sup>60</sup> Surah An-Nahl : 125.

ngan cara yang berbezra, iaitu :

1 ) Golongan condiaikawan yang cintakan kebenaran dan dapat berfikir secara kritis. Mereka ini harus diseru dengan hikmah iaitu dengan penjelasan atau keterangan yang jitu dan tepat yang dapat meyakinkan mereka menghilangkan keraguan dengan memasukkan roh tauhid, aqidah iman, hadil-hadil, hujjah-hujjah, alasan-alasan serta keterangan yang jelas sehingga meyakinkan aqal.<sup>61</sup>

2 ) Golongan awam atau orang kebanyakkan yang belum dapat berfikir secara kritis dan mendalam. Mereka ini harus dida'wah dengan menggunakan metod ma'u'izatul hasanah, iaitu dengan memberikan hujah-hujah yang berupa petunjuk dan nasihat yang dapat menyodarkan juga membuka pintu hati mereka untuk mentaati semua petunjuk Islam. Didikan dan diajukan bimbingan yang diberikan mestilah yang sudah difahami kerana taraf pemikiran mereka tidak tinggi.<sup>62</sup>

3 ) Golongan yang ketiga iaitu golongan yang tingkat kecerdasannya di antara dua golongan yang telah disebutkan tadi. Mereka ini suka berbahas mengenai sesuatu tetapi hanya dalam batas-batas tertentu.

---

<sup>61</sup> N.Watair, Fiqhul Da'wah, Singapura : Pustaka Nasional, cetakan II, 1982, hal. 159.

<sup>62</sup> Ibid.

Metod Mujadalah bila-lai dia Ahsan sesuai untuk golongan ini, iaitu dengan berdialog bertukar fikiran agar dapat mendorong mereka berfikir dengan alat. Da'i haruslah memberi buijah atau bukti-buktii yang dapat menolak sanggahan dan pendapat pihak lawan sehingga berjaya menunduk mereka. <sup>63</sup>

Demikianlah keterangan Syeikh Muhammad Abdurrahman disimpulkan di sini bahawa di dalam melaksanakan da'wah, para da'i mestinya memastikan segala apa yang disampaikannya itu bersesuaian dengan pemikiran masyarakat yang di da'wahkannya. Kenyataan ini dinyatakan dalam hadith berikut :

”خاطبوا الناس بقدر عقولهم“ (مرواه سلم)  
”امروا اذنكم الناس على قدر عقولهم“ (صحح سلم)

Yakudnya : ” Kami diperintahkan supaya bertbicara kepada manusia menurut kadar equal ( kecerdasan ) mereka masing-masing “.

Walaubagaimana pun ini tidaklah bererti metod-metod tersebut hanya boleh digunakan untuk golongan yang tertentu sebagaimana yang dinyatakan tadi. Tetapi ada ketikanya kita dapatilah hikmah itu per-

---

<sup>63</sup> Ibid.

lu digunakan bagi golongan kedua dan ketiga. Dan ada kalanya pula metod  
Mujtahidah billati Hiz Ahzaan sesuai untuk golongan kedua dan pertama. Ba-  
gaimana pula seterusnya metod Na'u'izatul Hasanah boleh digunakan bagi golo-  
ngan pertama dan ketiga. Sebenarnya penggunaan metod ini adalah berwan-  
tung kepada kebijaksanaan para da'i atau suballigh dalam sejajarkan ty-  
per muci mereka ke jalan Allah S.W.T. Oleh tersebabah kepada mereka i-  
tu untuk memilih cara mana yang sesuai digunakan berdasarkan kepada su-  
atu, massa, agak, tempat, sasyarakat dan perkara-perkara lain yang bo-  
leh mempengaruhi da'wahnya.

## I. MEDIA DA'WAH

Media ialah alat perhubungan atau saluran yang menghubungkan se-  
orang dengan seseorang yang lain atau menghubungkan satu kumpulan do-  
mu. kumpulan yang lain, bagi menyampaikan sesuatu mesaj atau perutu-  
sar. Di zaman purba, tamaddun ketika itu menggunakan burung-burung un-  
tuk menyampaikan perutusan kepada pihak tertentu. Perutusan atau pes-  
kabaran juga disampaikan dengan membakar unggun, sesukul besuk atau  
tanah. Demikianlah cara primitif yang dilakukan di dalam perhubungan ma-  
nusia pada zaman dahulu.

Di zaman moden ini kegiatan da'wah dijalankan menerusi komunika-  
si moden yang dilakukan melalui bermacam-macam media. Media lisan meru-  
pakan moden yang dilakukan melalui

pakan media yang telah mencapai sesenjuk di zaman Rasulullah s.a.v lagi. Misalnya khutbah, ceramah, seminar, pidato dan sebagainya. Komunikasi ini biasanya disampaikan di masjid-masjid, sekolah-sekolah dan perhimpunan-perhimpunan ilmu yang di redhai Allah S.W.T. Media tulisan ini biasanya dibantu oleh media tulisan yang merupakan salah satu dari pada nida da'wah yang berkesan. Oleh itu bertujuan aspek dari ajaran Islam dapat disebarluaskan dan dipertambangkan di kalangan masyarakat da'wah.

Menandangtan be tata pentingnya bidang penulisan ini, maka al-Bahi al-Khuli telah membuat caranan kepada para ponda'wah yang menggunakan media ini, supaya berhati-hati, sebagaimana katanya :

" Ponda'wah hendaklah sadar bahawa sesuatu tulisan yang diusahakannya itu adalah untuk semua orang, semada yang sudah pandai atau masih jahil, yang buta huruf atau pandai membaca. Maka kerena itu dia hendaklah menyediakan supaya dapat difahami oleh semua orang semasa membaca atau menggunakan bahasa yang mudah dan fikiran yang terang dan jelas, yang lahirnya dari lubuk hati ".<sup>65</sup>

Komunikasi melalui media tulisan ini disebarluaskan melalui buku-buku, majalah, surat-khabar, risalah dan bahan-bahan ber cetak yang lain. Kini di zaman serba moden ini, media elektronik juga memainkan peranan penting dalam penyebaran da'wah seperti televisyen, radio, alight, filem dan sebagainya. Letungan drama, tablo dan jukisan juga digunakan sebagai media

---

<sup>65</sup> al-Bahi al-Khuli, op.cit., hal. 387 - 399.

re) untuk menyampaikan da'wah.

Media adalah alat komunikasi yang sangat besar pengaruhnya dalam masyarakat. Oleh itu jika ia digunakan menurut kebijaksanaan da'i dan menggalakkan atas dasar semperjuangkan kepentingan Ummah Islamiyah, Insya-Allah ia akan dapat mencegah kesungkuhan dan dekadensi soral yang berlaku dalam masyarakat.

## C. P E N D A ' W A H

Penda'wah adalah asas kedua pentingnya dalam membicarakan da'wah Islamiyah. Sesuatu gerakan da'wah tidak akan sampai ke mana-mana tanpa perantaraan yang boleh menyampikannya kepada masyarakat da'wah. Demikianlah juga halnya mengenai ajaran Islam ini, di mana ia yang tidak mampu untuk sampai ke mana-mana tanpa adanya para penda'wah yang membawa dan menyebarkannya. Rasulullah s.a.w dianggap penda'wah pertama, di mana bermulanya dari bagindalah maka agama Islam tersebar dan berkembang.<sup>66</sup>

---

<sup>66</sup> Dr. Abdul Karim Zaidan, Uṣūl al-Da'wah (Dasar-dasar Ilmu Da'wah II), Terjemahan oleh H.M. Asy'wadi Syukur Lc, Kuala Lumpur : Pustaka Al-Ameen, cetakan 1984, hal. 4 - 5 .

Para penda'wah yang melibatkan diri dengan da'wah secara langsung dalam usaha menyebarkan Islam, seharusnya mempunyai akhlak yang mulia. Kehidupan dan tingkah laku para penda'wah sekali-kali tidak boleh bertentangan dengan nilai-nilai ajaran Islam yang dida'wahkannya itu, kerana sikap yang bertentangan yang diperlihatkan oleh penda'wah itu boleh melarikan masyarakat da'wah yang dida'wahkannya dan berkesungkinan besar mereka akan menolak da'wah tersebut.<sup>67</sup>

Diantara sifat mulia yang perlu ada pada setiap penda'wah ialah sifat jujur dan ikhlas dalam menjalankan tugasnya dan bukannya untuk mencari keuntungan harta benda atau pangkat kedudukan. Jika keikhlasan seumpama ini dapat dibuktikan, maka usaha da'wah tersebut lebih mudah diterima oleh hati-hati masyarakat da'wah.

Penda'wah mestilah pergi menemu masyarakat dan bukannya masyarakat da'wah menemuiinya. Rasulullah s.a.v sendiri telah memberintahkan bg beberapa orang perutusannya untuk pergi menemu masyarakat di seluruh darah negri Arab untuk menyampaikan da'wah yang surni ini. Penda'wah juga haruslah berwaspada serta tajam pertahan dan mereka tidak harus berdiam diri apabila melihat kesungkaran berlelu di dalam masyarakat.

---

<sup>67</sup> Ibid., hal. 64.

Ponda'wah juga harus mempunyai pengetahuan yang luas dalam berbagai bidang agar dapat menatakan hujan-hujjah dari golongan tertentu dan tidak kurang pentingnya, para ponda'wah perlu juga mempunyai sifat salar dan telah dalam menghadapi cutaan dan ujian semasa menyampaikan ceruan Allah S.W.T.

Setiap usaha atau usulan jure da'wah adalah mendapat pahala ibadat yang besar di sisi Allah S.W.T jika secara selaksana dengan ikhtisas, sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w :<sup>63</sup>

“مَنْ دَعَا إِلَىٰ حِدْيٍ كَانَ لَهُ مِنَ الْأَجْرِ مِثْلُ أَجْرِهِ  
مَنْ تَبَعَهُ لَا يُنْقَصُ ذَلِكَ مِنْ أَجْرِهِمْ شَيْئاً”

Maknudnya ; “ Barangsiapa menyebarkan petunjuk maka dia mendapat pahala seperti pahala-pahala yang didapat oleh orang yang mengikutiya, tidak terkecuali sesuatu pun ”.

Pendek kata para ponda'wah mempunyai peranan yang komitmen lagi praktis dalam membina, membangun dan mensejukan masyarakatnya di masa lalu, kini dan akan datang. Itu terpulanglah kepada kesediaman dan kesanggupan mereka.

---

<sup>63</sup> Ibid., hal. 30.

## 1. SASARAN DA'WAH

Agama Islam yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w ajalah yg

"...dimpulkan kepada seluruh umat manusia seluruhnya tanpa senjata apapun, keturunan, peringkat usia, kedudukan dan jurusan pertzaan lain. Ini dituktikan dengan firman Allah S.W.T yang berbunyi :

﴿ وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلنَّاسِ ﴾

artiya : " Dan tidaklah Kami mengutuskan engkau ( wahai Muhammad), selain untuk menjadi rahmat bagi sekalijan alam " .<sup>70</sup>

Firmanilah lagi :

﴿ وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَةً لِّلنَّاسِ  
تَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ مِنْ رَبِّهِمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴾

artiinya : " Dan tiadalah Kami mengutusmu ( wahai Muhammad) selainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pertama yg rita gembira ( kepada orang-orang yang beriman), dan pes beri amaran ( kepada orang-orang yang ingkar); akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui ( hakikat itu) ".<sup>71</sup>

<sup>70</sup> Surah al-Anbiya' : ayat 107.

<sup>71</sup> Surah Saba' : ayat 28.

Dari kedua-dua firman Allah S.W.T tersebut, jelaslah kepada kita bahawa risalah Islamiah ini adalah bersifat universal iaitu untuk seluruh umat manusia. Menurut Muhammad Ahmad al-'Adawi, terdapat tiga golongan manusia yang menjadi sasaran da'wah iaitu :

1) Mukmin iaitu orang Islam yang yakin serta mempercayai apa yang disampaikan dan mereka mengakui kebenaran pembarunya. Mesti mereka bersih dari sebarang penyakit yang menghalang mereka daripada mengetahui kebenaran yang disampaikan. Golongan ini berani dan sanggup berkatakan untuk membantu pembawa risalah serta bekerjasama membangukan da'wah Islamiah.<sup>72</sup>

Abdul Karim Zaidan berpendapat bahawa ada di kalangan orang beriman iaitu mereka yang mengucapkan kalinah syahadah tetapi tidak munajatkan isi dan jiwa syahadah tersebut. Golongan ini dikenali sebagai orang Islam yang melakukan maksiat atau kesalahan di sisi Islam disebabkan kejahilan mereka sendiri tentang Islam atau sengaja melakukannya. Oleh itu terdapat dua golongan ini, iaitu orang sukmun yang patuh kepada ajaran Islam dan orang sukmun yang bertuak maksiat atau kesalahan, mestilah diu'wahkan mengikut kebijaksanaan para da'i.<sup>73</sup>

---

<sup>72</sup> Muhammad Ahmad al-'Adawi, Da'wah al-Rasul ila Allah, Misr : Mustafa al-Bahi al-Malabi wa Awladih, 1935, hal. 430.

<sup>73</sup> Dr. Abdul Karim Zaidan, Dasar-dasar Ilmu Da'wah II, op.cit. hal. 162.

z, golongan yang kedua pula ialah orang-orang kafir yang senantiasa meninggikan diri mereka sendiri dan enggan menerima kebaikan yang diberikan oleh orang lain. Mereka berpegang kepada adat dan kepercayaan kafir yang telah mereka warisi dari nenek moyang mereka. Oleh kerana itulah, mereka menentang hebat da'wah Islamiah yang menolak kepercayaan zoroka. Di antara mereka ini ada golongan yang disifatkan oleh al-Qur'an sebagai golongan al-Mala' yang terdiri daripada kaum bengawan dan para pemimpin yang amat kuat menentang da'wah para Rasul.<sup>74</sup>

3) Golongan ketiga ialah orang-orang sunafiq iaitu mereka yang pada lahirnya seolah-olah beriman dan memihak kepada orang mukmin, tetapi pada batinnya mereka memusuhi Islam dan menentangnya.<sup>75</sup> Golongan ini ada dua golongan yang amat sukar untuk dikenali kerana mereka menyembunyikan kekafiran mereka. Orang sunafik dikatakan lebih jahat sifatnya daripada orang-orang kafir.<sup>76</sup> Tanda-tanda kemunafikan mereka dapat diketahui dari al-Qur'an dan hadis Rasulullah s.a.w., sebagaimana firman-Nya :

فِي قُلُوبِهِمْ شَرٌ فَزَادَهُمْ أَلَاّمُ اللَّهِ مَرْضًا  
وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْنِي بُؤْنَ

<sup>74</sup> Dr. Abdul Karim Zaidan, Uṣūl al-Da'wah, op.cit., hal. 336.

<sup>75</sup> Muhammad Ahmad al-'Adawi, op.cit., hal. 430.

<sup>76</sup> Dr. Abdul Karim Zaidan, Dasar-dasar Ilmu Da'wah II, o.p. c.i.t., hal. 146 - 147.

2) Golongan yang kedua pula ialah orang-orang ka'fir yang sangat mementingkan diri mereka sendiri dan enggan menerima kebaikan yang diberikan oleh orang lain. Mereka berpegang kepada adat dan kepercayaan karut yang telah mereka warisi dari nenek moyang mereka. Oleh kerana itulah, mereka menentang hebat da'wah Islamiah yang menolak kepercayaan mereka. Di antara mereka ini ada golongan yang disifatkan oleh al-Qur'an sebagai golongan al-Mala' yang terdiri daripada kaum bangeawan dan para pemimpin yang amat kuat menentang da'wah para Rasul.<sup>74</sup>

3) Golongan ketiga ialah orang-orang munafiq iaitu mereka yang pada lahirnya seolah-olah beriman dan semihak kepada orang mukmin, tetapi pada batinnya mereka mesusuhi Islam dan menentangnya.<sup>75</sup> Golongan ini ada dua golongan yang amat sukar untuk dikenali kerana mereka menyembunyikan kekhiliran mereka. Orang munafik dikatakan lebih jahat sifatnya daripada orang-orang kafir.<sup>76</sup> Tanda-tanda kesunafikan mereka dapat diketahui dari al-Qur'an dan hadis Rasulullah s.a.w., sebagaimana firmanNya :

فِي قُلُوبِهِمْ مَرْءَىٰ فَزَادَهُمْ أَلْلَهُ مَرَضًا  
وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْنِي بُونَ  
١٠

<sup>74</sup> Dr. Abdul Karim Zaidan, Usul al-Da'wah, op.cit., hal. 336.

<sup>75</sup> Muhammad Ahmad al-'Adawi, op.cit., hal. 430.

<sup>76</sup> Dr. Abdul Karim Zaidan, Dasar-dasar Ilmu Da'wah II, o.p. c.i.t., hal. 146 - 147.

Ertinya : " Dalam hati mereka ( golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hanad dengan), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka; dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperinci sakitnya, dengan sebab mereka berdusta (dan mengatakan kebenaran) ".<sup>77</sup>

Oleh yang demikian, sasaran da'wah Islamiah ditujukan kepada orang yang telah beragama Islam dan masih belum beragama Islam. Da'wah kepada orang Islam disebut sebagai "da'wah ke dalam" yang bertujuan untuk menjadikan mereka umat Islam yang kuat beriman serta teguh pegangan nya kepada hukum-hukum Allah S.W.T . Manakala da'wah kepada mereka yang masih belum Islam pula, disebut sebagai "da'wah ke luar" yang bertujuan supaya mereka mengenali dan memahami agama Islam secara tepat dan benar serta dapat menerima dan mengamuti agama Islam ini. InsyAllah.<sup>78</sup>

Dapatlah difahami bahwa da'wah itu ditujukan kepada seluruh manusia tanpa mengira lapisan masyarakat, umur, taraf penikiran, sahaman dan pegangan yang dianuti. Oleh itu para da'i atau muballigh hendaklah mempunyai kebijaksanaan dan uslub penyampaian yang berkesan untuk menarik mereka kepada Islam dan menghayalinya secara yakin dan patuh.

---

<sup>77</sup> Surah al-Baqarah : ayat 10.

<sup>78</sup> Adam Abdullah al-Aluri, Tarikh al-Da'wah al-Islamiah, Beirut: Dar Maktabah al-Hayah, 1967, hal. 18 - 19.

Di Malaysia kajian secara ilmiah dan teliti mengenai Da'wah Islamiah memang memerlukan masa yang agak panjang, mengandangkan sasaran da'wahnya terdiri daripada rakyat yang berbilang kaum dan agama. Konsep dan skop Da'wah Islamiah yang sepadu dan integral perlu di laksanakan untuk mewujudkan perseimbangan, kestabilan, keadilan dan koharmonian dalam berbagai aspek hidup masyarakat dari peringkat unit yang kecil iaitu keluarga sehingga peringkat rakyat keseluruhnya dan meluas lagi ke peringkat masyarakat antarabangsa.

Konsep dan skop Da'wah Islamiah sepadu sebenarnya ialah gerakan reformasi yang menyeluruh dan merangkumi segala aspek hidup manusia menurut prinsip-prinsip Al-Qur'an dan As-Sunnah. Reformasi sosial, reformasi ekonomi, reformasi undang-undang atau dengan ringkasnya reformasi umisan hidup manusia yang meliputi bidang aqidah dan syari'ah yang merangkumi ibadat, nilai-nilai moral dan peraturan hidup.

Konsep da'wah seperti mana yang tersebut di atas adalah berdasarkan konsep sebenarnya yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w yang berjaya mengubah dan menukar corak dan sistem hidup masyarakat daripada corak sebelum Islam, iaitu jahiliah kepada corak hidup Islam yang bersifat integrasi yang mencerminkan prinsip-prinsip dan ajaran-ajaran dalam semua bidang sosial, ekonomi dan lain-lain.

Begitulahuraian beberapa tajuk penting yang menjadi landasan dalam penyelidikan penulisan ini. Landasan teori ini digunakan sebagai

panduan dan pedoman penulis untuk penulisan Bab IV seterusnya. InshaAllah di dalam Bab IV, penulis akan mengemukakan beberapa huraian lain yang membincarakan peranan Jabatan Agama Islam Melaka dalam menyusun beberapa aktiviti da'wah yang berkait rapat dengan pelaksanaannya menurut metodologi da'wah yang telah dinyatakan serta strategi sasaran da'wah yang ditumpukan oleh organisasi ini.